

PENILAIAN HAD AL-KIFAYAH DALAM MEMBANGUN SOSIOEKONOMI ASNAF: SOROTAN LITERATUR

Mohd Zaid Mustafar

zaidmustafar@uitm.edu.my

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka

Rawi Nordin

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka

S. Salahudin Suyurno

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka

Muhammad Taufik Md Sharipp

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka

Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka

Muaz Mohd Noor

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka

Abstrak

Had al-kifayah merujuk kepada suatu kadar keperluan asas minimum yang mencukupkan kehidupan seseorang serta ditetapkan berdasarkan kos sara hidup semasa. Realiti masa kini menunjukkan jurang sosioekonomi yang semakin melebar dalam kalangan masyarakat. Impaknya kemiskinan di pelbagai peringkat menjadi begitu ketara dalam kehidupan masyarakat pada masa kini. Kesan kemiskinan ini membawa kepada pelbagai masalah antaranya dalam isu gejala sosial dan pendidikan. Justeru, kertas kerja ini membicarakan tentang konsep had al-kifayah dalam membangunkan sosioekonomi masyarakat dan potensi had al-kifayah sebagai garis ukur baharu dalam menentukan indeks kecukupan bagi setiap individu. Kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan merujuk kepada pelbagai buku, artikel jurnal dan kertas kerja yang dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu seterusnya dianalisis menggunakan kaedah deskriptif dan komparatif. Kertas kerja ini diharap dapat memberi panduan kepada agensi-agensi pelaksana dalam menentukan agihan dana zakat berdasarkan had kecukupan semasa demi untuk menjamin kesejahteraan hidup masyarakat sasaran.

Kata kunci: Had al-Kifayah, Sosioekonomi, Kemiskinan, Asnaf

ASSESSMENT OF HAD AL-KIFAYAH IN DEVELOPING ASNAF SOCIOECONOMICS: LITERATURE REVIEW

Abstract

Had al-kifayah refers to a minimum level of basic needs that is adequate for one's living and is determined based on the current cost of living. The reality today shows that the socio-economic gap in the society is increasingly widened. The impact of this poverty at various levels is becoming so significant in people's lives nowadays. The effects of this poverty have led to various problems, among which are in terms of social and educational issues. Thus, this paper discusses the concept of had al-kifayah in developing the socio-economy of the society and the potential of had al-kifayah to be a new benchmark in determining the adequacy index for every individual. This qualitative form of study used literature method with reference to various books, journal articles and papers produced by previous researchers and then analyzed using descriptive and comparative methods. It is hoped that this paper will be able to provide guidance to the implementing agencies in determining the distribution of zakat funds based on current adequacy limits in order to ensure the well-being of the target community.

Keywords: Had al-Kifayah, Socioeconomics, Poverty, Asnaf

PENGENALAN

Kehidupan manusia di atas muka bumi ini saling memerlukan di antara satu sama lain. Justeru tidak semua kehendak manusia dapat dicapai dengan sendirinya. Kejayaan yang dicapai oleh seseorang manusia adalah hasil usaha dirinya serta dengan izin Allah SWT. Ada juga yang ditakdir menghadapi ujian serta musibah. Islam bertindak sebagai agama yang melindungi serta bersifat tolong-menolong. Hasil daripada kerjasama dan tolong-menolong ini dapat membentuk masyarakat yang aman dan harmoni. Kekayaan dan kemiskinan adalah dua perkara yang berbeza tetapi mempunyai hubungan yang sangat rapat. Golongan kaya bertanggungjawab dalam membantu golongan miskin yang memerlukan terutama dalam memenuhi keperluan kehidupan mereka.

Syariat Islam sentiasa bersifat adil dan saksama berbeza dengan undang-undang ciptaan manusia. Oleh sebab itu, setiap keperluan asas manusia diraikan bersesuaian dengan jiwa dan tarafnya. Pensyariaan zakat merupakan salah satu daripada cara untuk memastikan kebajikan setiap manusia terjaga dan terpelihara. Zakat juga merupakan sebahagian daripada rukun Islam. Kesempurnaan manusia itu dinilai melalui ketaatannya pada syariat dan perintah Allah. Justeru, golongan yang memiliki harta melebihi apa yang diperlukan diwajibkan mengeluarkan sebahagiannya dalam bentuk zakat untuk diberikan kepada golongan (asnaf) yang layak menerimanya.

Sabda Nabi SAW yang bermaksud;

“Serulah mereka untuk bersaksi bahawa tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah dan sesungguhnya aku adalah pesuruh Allah. Sekiranya mereka mematuhi peraturan ini, beritahu kepada mereka bahawa Allah telah mewajibkan zakat ke atas mereka yang diambil daripada orang kaya lalu diagihkan kepada orang fakir di kalangan mereka”. (Hadith riwayat al-Bukhari, dan Muslim)

Bagi membantu golongan asnaf fakir dan miskin mendapatkan keperluan asasi mereka, dana zakat yang disumbangkan oleh pembayar zakat perlu diagihkan dengan kadar yang besesuaian kepada mereka. Secara umumnya, kutipan zakat oleh institusi-institusi zakat menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa. Hal ini berikutan tahap kesedaran pembayar zakat untuk memastikan mereka menyemak semula jumlah yang wajib dikeluarkan zakat. Secara tidak langsung, peningkatan hasil kutipan ini dapat membantu untuk mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara. Namun apa yang terjadi adalah sebaliknya.

Menurut data yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan, laporan penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas pada tahun 2017 menunjukkan kadar kemiskinan di Malaysia menurun daripada 0.6 peratus pada 2014 kepada 0.4 peratus pada tahun 2016. Walau bagaimanapun data ini disangkal oleh Philip Alston, pelapor khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), di mana garis kemiskinan sebanyak RM980 sebulan bagi setiap isi rumah di Malaysia adalah tragik dan tidak sesuai bagi negara yang hampir mencapai status berpendapatan tinggi (Berita Harian, 2019). Ini menunjukkan bahawa kaedah penentuan kemiskinan di Malaysia adalah tidak tepat dan tidak menggambarkan keadaan sebenar kemiskinan di negara ini. Perkara ini turut mendapat komen daripada Profesor Jabatan Dasar dan Strategi Perniagaan, Nazari Ismail yang menyatakan kaedah yang digunakan di Malaysia pada masa ini adalah tidak munasabah terutama sekali bagi penduduk yang tinggal di kawasan bandar (Astro Awani Online, 2019).

Justeru, penentuan garis kemiskinan adalah tidak tepat sekiranya diambil daripada pendapatan perkapita ketua isi rumah sahaja. Sekiranya hal ini diteruskan, maka ianya akan menyebabkan masalah kemiskinan tidak akan dapat diselesaikan. Islam telah menggariskan kaedah penentuan kemiskinan melalui konsep had al-kifayah. Had al-kifayah adalah had kecukupan di mana ia merupakan tahap minimum pendapatan yang diperlukan oleh setiap individu dalam meneruskan kehidupan dengan baik. Umum mengetahui, kajian mengenai had al-kifayah ini bukanlah sesuatu ilmu yang baru malah telah dibincangkan oleh para fuqaha terdahulu. Oleh sebab itu, berdasarkan permasalahan kajian seperti yang telah dijelaskan, penelitian semula terhadap konsep had al-kifayah ini perlu sentiasa diperbincang supaya tahap kelangsungan ekonomi asnaf terjamin dan terpelihara.

DEFINISI HAD AL-KIFAYAH

Had dari segi bahasa bermaksud pemisah antara dua perkara (Mu'jam al-Wajiz, 1990). Manakala al-kifayah pula berasal dari perkataan al-kufyah yang bermaksud sesuatu yang mencukupi daripada kehidupan (Al-Firuz Abadi, 2015). Dalam Lisan al-Arab dijelaskan makna al-kifayah itu sebagai al-kufyah al-qut iaitu apa-apa yang menjadi makanan asasi untuk tubuh badan manusia (Ibn Manzur, 1883). Jama' kepada al-kufyah ialah al-kufa. Secara lebih jelas lagi contoh yang diberikan oleh Ibn Manzur (1883) ialah "Fulan la yamliku kufa yaumihi 'ala mizan haza / qut yaumihi" yang bermaksud si Fulan tidak memiliki sesuatu yang mencukupkan kehidupannya atau daripada makanan asasi hariannya (Ibn Manzur, 1883).

Begitu juga huraian dalam Qamus Mu'jam al-Ma'ani yang menjelaskan maksud al-qut dikhususkan kepada makanan asasi bagi manusia untuk tujuan hidup dengan memberikan tamsilan lain iaitu "al-solatu qut al-nufus" yang bermaksud solat adalah makanan asasi kepada jiwa. Definisi lain bagi al-kifayah dari sudut bahasa ialah al-istighna iaitu apa yang dicapai dengannya kecukupan daripada yang lainnya (Yasir Abdul Karim al-Hourani (2017). Ada juga yang menyatakan bahawa al-kifayah itu sebagai al-kafaf iaitu tidak mempunyai lebih dalam sesuatu dan hanya dengan kadar hajat (keperluan) kepadanya (Ibn Manzur, 1883). Berdasarkan huraian di atas, dapat diketahui bahawa penggunaan lafaz al-kifayah dari sudut bahasa boleh ditakrifkan dengan pelbagai makna iaitu al-qut, al-istighna' dan al-kafaf. Menurut Yasir Abdul Karim al-Hourani (2017), takrifan dengan makna al-qut adalah lebih tepat sebagaimana yang digunakan oleh bangsa Arab.

Terdapat juga penggunaan perkataan al-kifayah dengan istilah kafin, kafa dan kafai sebagaimana yang disebut di dalam al-Quran. Antaranya, firman Allah SWT; *أَلَيْسَ اللَّهُ بِكَافٍ عَبْدَهُ* yang bermaksud, "bukankah Allah cukup untuk melindungi hamba-hamba-Nya" (Surah al-Zumar: 36). Selain itu firman Allah SWT; *وَكَفَى اللَّهُ الْمُؤْمِنِينَ الْقِتَالَ* yang bermaksud, "dan Allah menghindarkan orang-orang mukmin dari peperangan" (Surah al-Ahzab: 25). Istilah al-kafa juga digunakan dalam surah al-Nisa ayat 25, di mana Allah SWT berfirman; *وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا* yang bermaksud, "dan cukuplah Allah menjadi saksi". Begitu juga dengan istilah lain sebagaimana dengan firman-Nya *إِنَّا كَفَيْنَاكَ الْمُسْتَهْزِئِينَ* yang bermaksud, "sesungguhnya Kami memelihara kamu daripada (kejahatan) orang-orang yang memperolok-olokkan (kamu)" (Surah al-Hijr: 95).

Dari segi istilah pula, ulama berbeza pendapat mengenai definisi had al-kifayah. Pendapat pertama berpegang bahawa had al-kifayah adalah seerti dengan had al-kafaf. Manakala pendapat kedua berpegang bahawa had al-kifayah adalah lebih tinggi tahapnya berbanding had al-kafaf. Pendapat pertama yang menyatakan bahawa had al-kifayah dan had al-kafaf adalah sama sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Nawawi dalam kitabnya Syarah Muslim yang mengatakan bahawa al-kafaf adalah al-kifayah tanpa ada pertambahan atau pengurangan (Al-Nawawi, 1978). Beliau berhujah berdasarkan dalil dalam hadith Nabi SAW; *قد أفلح من أسلم، ووزق كفافاً، وفتعه الله بما آتاه* yang bermaksud, "maka beruntunglah orang yang memeluk Islam dan diberikan rezeki yang cukup serta qana'ah terhadap apa yang diberikan oleh Allah SWT" (Hadith riwayat Muslim). Begitu juga dengan sabda Baginda SAW dalam hadith yang lain; *يَا ابْنَ آدَمَ، إِنَّكَ أَنْ تَبْدَلَ الْفَضْلَ خَيْرٌ لَكَ، وَأَنْ تُمَسِّكَهُ شَرٌّ لَكَ، وَلَا تُلَامَ عَلَى كِفَافٍ* yang bermaksud, "Wahai anak Adam, sesungguhnya jika kamu mendermakan kelebihan hartamu, itu lebih baik daripada kamu simpan kerana hal itu lebih mendatangkan keburukan bagi kamu, dan kamu tidak akan dicela jika menyimpan sekadar untuk keperluan" (Hadith riwayat Muslim).

Bagi pendapat kedua pula, definisi had al-kifayah itu adalah lebih luas dengan pertambahan lebih daripada keperluan (hajat) berbanding had al-kafaf yang hanya tertumpu pada perkara-perkara daruriyyat sahaja di mana manusia tidak dapat hidup tanpanya (Al-Syatibi, t.t). Adapun had al-kifayah adalah bagi tujuan hidup manusia yang menginginkan kehidupan yang selesa padanya, mengelakkan daripada kesempitan, kesukaran dan kesusahan di mana seseorang dapat memperoleh kesenangan dengan nikmat yang baik serta diharuskan dari sudut makanan, pakaian, kenderaan dan sebagainya (Al-Syatibi, t.t). Pandangan ini juga selari dengan pandangan Ibn 'Abidin (t.t) yang bermazhab Hambali.

PRINSIP HAD AL-KIFAYAH

Secara umumnya, para fuqaha berselisih pendapat dalam menyelesaikan permasalahan elemen al-kifayah (kecukupan) seseorang individu atau keluarga. Setiap kriteria dan prinsip bagi elemen al-kifayah (kecukupan) bergantung kepada uruf dan keadaan semasa (Hamza Abed al-Karim Hammad, 2017). Sebagaimana yang diungkapkan oleh al-Muzani (1990), kaya atau faqir seseorang itu hanya dapat diketahui dengan merujuk kepada kadar keadaannya. Manakala al-Khatib al-Sharbini (1994) mengibaratkan al-kifayah sebagai apa-apa keadaan yang tidak membawa kepada pembaziran dan kehinaan. Ini bertepatan dengan nukilan al-Ghazali (t.t) dalam bukunya *Ihya' 'Ulum al-Din* yang menyatakan bahawa seseorang yang tidak mencukupi pendapatannya tetapi memiliki seribu dinar boleh dianggap sebagai miskin. Manakala seseorang yang tidak memiliki sesuatu melainkan kapak dan tali boleh diibaratkan sebagai kaya.

Justeru, makna al-kifayah ini adalah bersifat fleksibel meliputi apa yang diperoleh oleh seseorang pada setiap masa dan keadaan supaya dapat mencapai kemudahan dan kemakmuran (Hamza Abed al-Karim Hammad, 2017). Begitu juga pandangan Abd al-Qadir (1989) yang menyatakan bahawa keperluan asasi itu berbeza dengan perbezaan bi'ah dan keadaan dan penetapannya perlu berpandukan ijtihad dan penelitian semasa. Berdasarkan pandangan-pandangan ini, dapat disimpulkan bahawa prinsip had al-kifayah itu bukanlah sesuatu yang bersifat statik dan diambil berdasarkan pengalaman terdahulu sahaja. Kajian berterusan perlu dilakukan bagi memastikan maqasid syariah itu dapat dipelihara dengan mengembalikan hak kepada yang berhak menerimanya.

ELEMEN-ELEMEN HAD AL-KIFAYAH

Berdasarkan perbincangan terdahulu mengenai prinsip had al-kifayah, majoriti fuqaha bersetuju bahawa tidak ada satu ketetapan nilai khusus yang boleh digunakan dalam menentukan kadar kecukupan (keperluan) bagi seseorang individu. Walau bagaimanapun, para fuqaha telah menggariskan beberapa elemen penting yang diperlukan oleh manusia bagi mencapai kemaslahatan hidup. Antaranya, perkara yang berkaitan dengan makanan dan minuman, pakaian, tempat tinggal dan kelengkapan, pendidikan, kesihatan, perkahwinan, pengangkutan dan alat perhubungan (Hamza Abed al-Karim Hammad, 2017).

Makanan dan Minuman

Elemen ini merupakan salah satu daripada keperluan daruriyyat yang memenuhi kesemua aspek maqasid al-syariah kerana tanpa makanan dan minuman, pasti manusia tidak dapat meneruskan kehidupan termasuk bekerja dan beribadah (Ahmad Kamri Abd Mubi & Muhammad Nazir Alias, 2013). Mereka yang tiada kecukupan dari elemen ini adalah mereka yang faqir dan layak untuk menerima zakat. Dalam menentukan had al-kifayah bagi elemen ini, terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha. Al-Ghazali (t.t) meletakkan had minimum yang diperlukan pada makanan dan minuman sehari semalam iaitu dengan kadar satu mud makanan asasi (bijirin) sekalipun barli, adapun makanan tambahan (yang dimakan bersama makanan asasi) tidak boleh diberi secara berterusan tetapi diberi rukhsah dalam sesetengah keadaan sahaja. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Uthman bin Affan. Sabda Nabi SAW; *وَتَوْبُ يُورِي عَوْرَتَهُ ، وَجَأْفُ الْخُبْزِ ، وَبَيْتٌ يَسْكُنُهُ ، نَيْسٌ لِابْنِ آدَمَ حَقٌّ فِي سَوَى هَذِهِ الْجِصَالِ ، نَيْسٌ يَسْكُنُهُ ، وَتَوْبُ يُورِي عَوْرَتَهُ ، وَجَأْفُ الْخُبْزِ ، وَبَيْتٌ يَسْكُنُهُ ، نَيْسٌ لِابْنِ آدَمَ حَقٌّ فِي سَوَى هَذِهِ الْجِصَالِ ، نَيْسٌ يَسْكُنُهُ ، وَتَوْبُ يُورِي عَوْرَتَهُ ، وَجَأْفُ الْخُبْزِ ، وَبَيْتٌ يَسْكُنُهُ ، نَيْسٌ لِابْنِ آدَمَ حَقٌّ فِي سَوَى هَذِهِ الْجِصَالِ* yang bermaksud, “Anak Adam tidak memiliki hak selain daripada hal-hal berikut; rumah yang ingin didiami, pakaian yang menutup auratnya dan roti yang keras serta air” (Hadith riwayat Tirmizi).

Pendapat kedua pula tidak bersetuju dengan pandangan pertama disebabkan oleh hadith yang dijadikan sebagai sandaran hujah dikategorikan sebagai hadith dha'if (lemah) dan ianya mirip kepada cara untuk menjadi zuhud serta tidak menyelesaikan permasalahan faqir. Oleh sebab itu, mereka berhujah dengan hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad sebagaimana sabda Nabi SAW; *إِنَّهُ مَنْ سَأَلَ وَعِنْدَهُ مَا يُغْنِيهِ فَإِنَّمَا يَسْتَكْبِرُ مِنْ نَارِ جَهَنَّمَ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَا يُغْنِيهِ قَالَ مَا يُغْنِيهِ أَوْ يُعْتَبِيهِ* yang bermaksud, “sesungguhnya sesiapa yang meminta-minta sementara ia memiliki sesuatu yang dapat mencukupi keperluannya, maka sesungguhnya ia hanya menambah banyaknya api neraka Jahannam”. Para sahabat bertanya, Wahai Rasulullah! Sesuatu apakah yang mencukupinya? Baginda menjawab: "Sesuatu yang dapat dia gunakan untuk makan pada waktu siang dan malamnya” (Hadith riwayat Ahmad). Berdasarkan hadith ini, maka pendapat kedua bersetuju untuk meletakkan had al-kifayah bagi makanan dan minuman ditentukan kepada uruf dan bersifat sederhana.

Pakaian

Para fuqaha tidak menghadkan pakaian yang diperlukan hanya untuk tujuan menutup aurat sahaja (Ibn 'Abidin, t.t). Akan tetapi, keperluan kepada pakaian sifatnya adalah lebih luas lagi termasuk pakaian bagi tujuan melindungi dari kepanasan, kesejukan, kecantikan dan keselesaan. Ini disokong oleh pandangan sebahagian fuqaha mazhab Shafie yang menyatakan sekiranya seseorang itu mempunyai tempat tinggal dan pakaian yang cantik tetapi dia adalah faqir, maka ianya tidak menghalangnya untuk dikategorikan sebagai faqir disebabkan oleh kemudaratan yang dihadapinya (Al-Nawawi, t.t). Keperluan kepada pakaian ini bertepatan dengan firman Allah SWT; *وَجَعَلَ لَكُمْ سَرَابِيلَ تَقِيكُمْ الْحَرَّ وَسَرَابِيلَ تَقِيكُمْ* *كَذَلِكَ يُبَيِّنُ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ* yang bermaksud, “ia (Allah) juga menjadikan bagi kamu pakaian-pakaian yang memelihara kamu dari panas dan sejuk, juga pakaian-pakaian yang memelihara kamu semasa berjuang. Demikianlah, Ia menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu berserah diri kepadaNya dan mematuhi perintahNya” (Surah al-Nahl: 81). Begitu juga dalam perkara untuk menambah kecantikan atau keelokan pada pakaian dengan mempelbagaikannya tidak membawa kepada apa-apa masalah (Al-Kasani, 1986). Al-Ramli (2003) menambah bahawa wanita juga berhak memiliki barang kemas sebagai perhiasan bagi dirinya dan tidak menghalang dirinya daripada tidak tergolong sebagai faqir.

Tempat Tinggal dan Kelengkapan

Keperluan tempat tinggal merupakan sebahagian daripada keperluan hidup. Keperluan ini merangkumi perbelanjaan menyediakan dan menguruskan tempat tinggal (Ahmad Kamri Abd Mubi & Muhammad Nazir Alias, 2016). Firman Allah SWT; *وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ بُيُوتِكُمْ سَكَنًا وَجَعَلَ لَكُمْ مِنْ جُلُودِ الْأَنْعَامِ بُيُوتًا تَسْتَخِفُّونَهَا يَوْمَ* *يَوْمَ يُقَامَتُكُمْ* *وَيَوْمَ يُقَامَتُكُمْ* *وَيَوْمَ يُقَامَتُكُمْ* yang bermaksud, “dan Allah menjadikan bagi kamu rumah-rumah (yang kamu dirikan itu) tempat tinggal dan ia menjadikan bagi kamu dari kulit binatang-binatang ternakan, khemah-khemah (tempat berteduh), yang kamu mendapatinya ringan (di bawa ke mana-mana) semasa kamu merantau dan semasa kamu berhenti; dan (ia juga menjadikan bagi kamu) dari berjenis-jenis bulu binatang-binatang ternak itu, berbagai barang perkakas rumah dan perhiasan, (untuk kamu menggunakannya) hingga ke suatu masa” (Surah al-Nahl:80).

Majoriti fuqaha bersetuju keperluan kepada tempat tinggal adalah perkara daruriyyat yang perlu dimiliki oleh golongan faqir dan miskin, bukan dengan cara sewaan (Hamza Abed al-Karim Hammad, 2017). Menurut al-Kasani (1986), tidak mengapa untuk memberikan zakat kepada mereka yang sudah memiliki rumah. Sebagaimana yang dimaksudkan oleh al-Baghawi dan al-Juwaini dengan rumah yang dimiliki adalah dengan rumah yang sepadan dengannya (Al-Ansari, 2001). Selain itu, fatwa yang dikeluarkan oleh General Authority of Islamic Affairs and Endowments juga mengharuskan pembinaan rumah untuk faqir dan miskin daripada harta zakat kerana ia merupakan sebahagian daripada keperluan asasi.

Pendidikan

Telah jelas pada hari ini bahawa pendidikan adalah salah satu daripada keperluan hidup. Melalui pendidikan seseorang akan meningkat mobiliti sosialnya dan masyarakat akan lebih bertamadun dalam memajukan negara pada masa akan datang. Usaha meningkatkan sosio-ekonomi manusia mesti bermula dengan katalis pendidikan yang mampan. Islam amat menitik-beratkan perihal ilmu sebagaimana sabda Rasulullah SAW; *مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا، سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ*; yang bermaksud, “Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke Syurga” (Hadith riwayat Muslim). Selain itu, kelebihan orang yang menuntut ini juga akan diangkat darjat mereka. Firman Allah SWT *يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ* yang bermaksud, “supaya Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjat” (Surah al-Mujadalah: 11). Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, JAWHAR (2007) mengimplementasikan perbelanjaan pendidikan kepada pembayaran yuran, pembelian buku dan segala yang berkaitan dengan pendidikan. Justeru, bagi memastikan had al-kifayah pendidikan ini bersifat lebih menyeluruh adalah perlu kepada penyenaiaan semula keperluan semasa bidang pendidikan. Zaman teknologi pada masa kini memerlukan pelajar kepada pengaksesan internet berkelajuan tinggi, peralatan-peralatan terkini pengajaran dan pembelajaran dan sebagainya. Bidang pengajian yang berbeza juga membawa kepada kadar kecukupan

yang berbeza. Ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Nurul Afifah Hasan et al., (2015) menemukan mahasiswa daripada jurusan sains tulen di Universiti Kebangsaan Malaysia memerlukan lebih banyak perbelanjaan di IPT berbanding jurusan sastera.

Kesihatan

Kesihatan adalah sebahagian daripada nikmat besar yang dianugerahi oleh Allah SWT. Islam menganjurkan umatnya supaya sentiasa menjaga kesihatan demi mencapai maqasid syariah dalam pemeliharaan jiwa. Sebagaimana takrifan yang diberikan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kesihatan merujuk kepada keadaan di mana tubuh badan sempurna sihat fizikal, mental dan sosial. Penjagaan kesihatan adalah penting bertujuan mengelakkan diri daripada ditimpa penyakit. Islam mengambil berat soal kesihatan dan ini termasuk dalam perkara daruriyyat (keperluan). Oleh yang demikian, Al-Ramli (2003) menyatakan dalam kalangan fuqaha Syafi'i ada yang berpandangan supaya para doktor yang ingin memperolehi rujukan penguatkuasaan atau alat-alat penguatkuasaan untuk merawat pesakit tidak membelinya sendiri tetapi diberikan zakat. Adapun hak yang diberikan kepada faqir dan miskin adalah dari sudut zakat bagi tujuan menampung kos rawatan penyembuhan. Dengan ini elemen kesihatan termasuk dalam perkara yang perlu diberi pertimbangan dalam penentuan had al-kifayah seseorang.

Perkahwinan

Perkahwinan adalah salah satu daripada fitrah semulajadi manusia. Hukum perkahwinan adalah berbeza mengikut keadaan orang yang ingin berkahwin. Salah satu daripada cabaran perkahwinan adalah dari aspek kewangan. Menurut pandangan fuqaha Maliki dan Syafi'i, harus memberikan zakat kepada orang faqir bagi tujuan perkahwinan sekiranya dia memerlukannya. Sebagaimana yang dinukilkan oleh Al-Ramli (2003), sekiranya terdapat seseorang yang ingin berkahwin tetapi beliau tidak mempunyai sesuatu bersamanya, maka diberikan kepadanya (zakat) untuk dia membelanjakannya bagi tujuan itu. Begitu juga pendapat Al-Dusuki (t.t) bahawa anak yatim diberikan kepadanya zakat bagi menambah baik keperluan pernikahannya.

Pengangkutan

Sebagaimana yang diketahui sebelum ini, pemilik kuda tidak terhalang daripada menerima zakat. Ini berdasarkan sabda Nabi SAW; *للسائل حق وإن جاء على فرس* yang bermaksud, "Bagi peminta ada hak, walaupun dia datang dengan berkuda" (Hadith riwayat Abu Daud, Ahmad). Hadith ini menjelaskan keharusan orang yang memiliki kenderaan menerima zakat disebabkan terpaksa menanggung bebanan tertentu atau berhutang kerana untuk mengislahkan permasalahan keluarga. Al-Qurtubi menjelaskan bagi pemilik kuda yang berkeperluan (hajat) dan dia tidak mempunyai kekayaan serta tidak mampu untuk menanggung sendiri kehidupannya maka ianya tidak mengeluarkannya daripada had al-faqir (kefaqiran) dan tidak pula memasukkannya kepada golongan kaya yang tidak dihalalkan baginya sedekah (zakat) (Ibn Abd al-Bar, 1996).

Alat Perhubungan

Penggunaan alat perhubungan dahulunya dikategorikan sebagai barangan kamaliyyat (keselesaian) dalam tingkat penggunaan. Antaranya ialah penggunaan telefon dan perkhidmatan rangkaian komunikasi. Sekiranya boleh diqiaskan dengan pandangan fuqaha yang terdahulu, tidak ada halangan bagi seseorang faqir atau miskin yang mempunyai khadam (orang suruhan) daripada menerima zakat. Begitu juga dengan penggunaan telefon pada hari ini di mana ianya merupakan keperluan asas bagi setiap individu (Faisal, 1433H). Dengan ini, orang yang memiliki telefon dan perkhidmatan rangkaian komunikasi layak untuk menerima zakat mengikut keperluan mereka. Bahkan keperluan terhadap perkara ini juga boleh dipertimbang dalam pengiraan had al-kifayah seseorang individu.

KEBELBAGAIAN DIMENSI KAJIAN-KAJIAN LEPAS TENTANG HAD AL-KIFAYAH SEBAGAI JAMINAN SOSIOEKONOMI ASNAF

Panduan utama yang sering dijadikan rujukan dalam menetapkan had al-kifayah di Malaysia ialah Manual Pengurusan Agihan Zakat (MPAZ) yang dikeluarkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri (JAWHAR, 2007). Panduan ini mengetengahkan beberapa keperluan asas yang diambil kira dalam penentuan had al-kifayah meliputi perlindungan, makanan dan minuman,

pakaian, perubahan, pendidikan dan pengangkutan. Kesemua elemen ini menjadi asas kepada penetapan had kecukupan bagi setiap isi rumah dalam sesebuah keluarga.

Kajian yang dilakukan oleh Mansor Sulaiman et.al (2013) mengutarakan konsep had al-kifayah berasaskan sunnah yang disesuaikan dengan keperluan masyarakat Islam di Malaysia. Antara objektif kajian adalah untuk membuat perbandingan antara konsep had al-kifayah berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah dengan konsep Paras Garis Kemiskinan (PGK) yang digunakan di Malaysia. Hasil kajian mengutarakan elemen-elemen had al-kifayah seperti makan dan minum, tempat tinggal (berserta keperluan asas dalam rumah), pakaian yang baik, pekerjaan serta pemilikan alatan-alatan serta keperluan pekerjaan, pengangkutan, wang sara hidup harian, kos menampung kehidupan berkeluarga dan keperluan semasa yang boleh membawa seseorang keluar daripada kemiskinan seperti pendidikan. Bagi Ahmad Fahme et.al (2014), konsep dan isu had al-kifayah perlu dilihat dalam aspek yang berbeza mengikut konteks yang berbeza. Kutipan zakat sentiasa menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun, tetapi kadar kemiskinan masih berada pada tahap yang sama. Hal ini berikutan pengagihan zakat di Malaysia tidak mengambil kira perbezaan antara kos sara hidup kawasan bandar dan luar bandar. Selain itu, keperluan jantina ketua isi rumah yang berlainan tidak diatasi dalam pengiraan Garis Kemiskinan Zakat. Maka kajian yang dilakukan bertujuan meninjau hasil kajian-kajian terdahulu berdasarkan dua faktor penting dalam penetapan had al-kifayah iaitu kemiskinan antara bandar dan luar bandar serta jantina ketua isi rumah. Hasil kajian mendapati terdapat jurang yang ketara antara keperluan corak perbelanjaan antara kawasan bandar dan luar bandar. Selain itu, kajian-kajian lepas juga mendapati kemiskinan di kalangan jantina isi rumah banyak terkait dengan ketua isi rumah wanita berbanding ketua isi rumah lelaki.

Antara lainnya terdapat juga kajian had al-kifayah bagi kumpulan sasar tertentu seperti mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Kajian yang dijalankan oleh Nurul Afifah et.al (2015) ini meninjau kadar had al-kifayah semasa bagi mahasiswa IPT khususnya bagi mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia. Data kajian dikumpul daripada 160 orang mahasiswa pascasiswazah dari lapan buah fakulti di kampus induk Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Elemen keperluan (had al-kifayah) pula ditentukan berdasarkan panduan keperluan asas yang ditetapkan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) iaitu makanan, keperluan harian bukan makanan, kesihatan, pakaian, perbelanjaan IPT, pengangkutan dan perlindungan. Hasil kajian mendapati purata perbelanjaan bulanan bagi ketujuh-tujuh elemen berjumlah RM1265.36 di mana sebanyak 36.25 peratus daripada jumlah perbelanjaan mereka di kampus adalah bertujuan untuk elemen perbelanjaan IPT.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Ahmad Fahme Mohd Ali dan Mohd Faisol Ibrahim (2015) pula, sejumlah 505 orang responden soal selidik diambil daripada golongan asnaf fakir dan miskin digunakan sebagai sampel kajian. Kajian ini bertujuan bagi mengenalpasti kemiskinan isi rumah di Kelantan berdasarkan indeks garis kemiskinan secara Islam (had al-kifayah). Justifikasi pemilihan Kelantan sebagai lokasi persampelan adalah kerana pencapaian mendapat kutipan zakat tertinggi di Malaysia dan dalam masa yang sama kadar kemiskinan juga adalah tinggi. Antara elemen had al-kifayah yang digunakan dalam kajian ini ialah makanan, pakaian, tempat tinggal, penjagaan diri, pengangkutan, perkakasan rumah dan alatan pekerjaan. Hasil kajian mendapati saiz, tempat tinggal, gender ketua isi rumah, pendidikan tertinggi, status dan pendapatan mempunyai kesan yang signifikan terhadap pengagihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin.

Sistem keselamatan sosial sangat penting bertujuan menjamin pengekalan tahap kehidupan yang baik dan memerangi kemiskinan dengan cara memastikan setiap manusia mencapai tahap pendapatan minimum yang mencukupi. Bayu (2016) dalam kajiannya membuat pertimbangan zakat sebagai sebagai salah satu daripada mekanisma penting yang dapat meningkatkan ekonomi sosial dengan mencadangkan satu kerangka had al-kifayah sebagai cara untuk pengagihan semula pendapatan. Kajian ini juga menekankan enam elemen yang perlu dipertimbang untuk diberikan zakat bagi menangani masalah kemiskinan iaitu pendapatan dan aset ekonomi, skil pendidikan, rumah dan persekitaran, akses kesihatan dan lain-lain perkhidmatan sosial yang diperlukan, hubungan dengan orang lain serta kepintaran peribadi.

Terdapat juga kajian yang dilakukan bertujuan untuk meneliti perbezaan had al-kifayah Perbelanjaan Keperluan Asasi (PKA) mengikut negeri di Malaysia. Kajian yang dilakukan oleh Fidlizan et.al (2017) ini membongkarkan ketidakseragaman elemen pengiraan PKA sehingga menyebabkan jumlah zakat pendapatan berbeza walaupun pembayar memiliki pendapatan dan tanggungan yang sama. Kajian ini menggunakan kaedah simulasi daripada kalkulator zakat setiap negeri. Pengkaji mendapati penentuan beberapa kategori khusus PKA yang hanya diambil kira dan diamalkan oleh beberapa buah negeri sahaja dan perlu diaplikasikan oleh negeri lain dari sudut perbelanjaan rawatan penyakit kronik, tanggungan kurang upaya (Selangor) serta ansuran kenderaan dan rumah (Perlis). Hasil kajian mendapati ketidakseragaman PKA ini menyebabkan jumlah kutipan zakat pendapatan individu juga berbeza dengan ketara.

Satu penelitian kaedah penentuan baru had al-kifayah yang dicadangkan oleh Siti Norhidayah Hamzah dan Hairunnizam Wahid (2017) membawa kepada dimensi kajian yang berbeza. Permasalahan yang sama juga diutarakan sebagaimana kajian-kajian yang lain sama ada penentuan golongan yang layak menerima zakat mengikut keperluan asasi sebenar mereka ataupun tidak. Justeru, kajian tersebut meneliti satu dimensi baru kaedah penentuan had al-kifayah bagi memastikan agihan zakat diberikan kepada golongan sasar fakir dan miskin yang tepat dengan mengambil kira pertimbangan beberapa perkara dan syarat baru selain (multidimensi) berbanding pertimbangan sumber pendapatan (undimensi) semata-mata. Dimensi baru ini mengambil kira faktor pengeluaran iaitu buruh, tanah dan modal yang dijadikan asas pengiraan had al-kifayah. Ini bagi membezakan antara faktor aktif dan tidak aktif bagi setiap agihan zakat. Sebagai contoh dalam dimensi buruh, seseorang atau ketua isi rumah boleh dikenalpasti sama ada fakir dan miskin dengan mempertimbangkan dari segi harga faktor dan juga perolehan faktor. Pertama, seseorang buruh yang aktif bekerja dan mempunyai tubuh badan yang sihat membolehkan mereka mendapat agihan pendapatan melalui gaji tetapi masih belum mencukupi untuk menampung had al-kifayah mereka, maka buruh ini layak menerima zakat untuk memenuhi kecukupan perbelanjaan. Kedua, buruh yang tidak aktif dalam sumbangan kerja (pengangguran yang syar'i) disebabkan kurang upaya, sakit kronik, tua dan sebagainya mesti dibantu dengan dana zakat. Seterusnya seseorang itu tidak dikira fakir atau miskin sekiranya pendapatan yang diperoleh melalui kerja yang dilakukan melebihi keperluan asasinya.

Dalam dimensi yang lain pula, Imron Mawardi et.al (2018) meneliti konsep pengukuran jaminan sistem keselamatan sosioekonomi dalam Islam menerusi pendekatan had al-kifayah supaya bertepatan dengan prinsip keadilan dan kebajikan. Kajian ini mengguna pakai dua kaedah pengukuran kemakmuran manusia iaitu melalui nisab dan Keperluan Hidup Lestari (KHL). Menurut Badan Pusat Statistik (BPS) Indonesia, terdapat 60 item KHL yang mesti dipenuhi oleh setiap individu atau keluarga pada setiap bulan. Hasil kajian membongkarkan terdapat pengukuran bagi memenuhi sistem keselamatan sosioekonomi yang berasaskan konsep had al-kifayah sebagai pengukuran yang kritikal terhadap KHL di Indonesia akan tetapi masih lagi pada tahap yang kurang memuaskan.

Ramai dalam kalangan pengkaji yang membuat kajian mengenai had al-kifayah tidak menjelaskan dengan lebih terperinci berkaitan konsep sebenar had al-kifayah menurut pandangan fuqaha. Antara kajian yang menepati kehendak sebenar dengan mengambil kira perbincangan fuqaha terdahulu ialah perbincangan yang dilakukan Zulfaqar et. al (2018). Kajian ini adalah lanjutan daripada kajian yang dilakukan oleh Hamza Abed al-Karim Hammad (2017). Kajian ini menggunakan kaedah komparatif antara pandangan fuqaha dan melakukan secara deskriptif terhadap dalil yang dikemukakan. Berdasarkan penelitian dan saringan yang dilakukan kepada keperluan kecukupan (had al-kifayah) bagi seseorang individu, antara terdapat dua pembahagian elemen had al-kifayah iaitu elemen asas (yang dibincangkan dalam kitab fiqah yang utama) dan elemen terkini mengikut kesesuaian (elemen kontemporari) yang perlu dijadikan sebagai pertimbangan. Elemen utama sebagaimana yang dibincangkan ialah pakaian, makanan dan minuman, tempat tinggal, kelengkapan rumah dan orang gaji, kuda, kitab-kitab, alat pertukangan dan kemahiran dan nikah. Manakala elemen kontemporari adalah seperti perawatan dan perubatan, pendidikan di sekolah dan universiti, kereta, alat komunikasi, peralatan komputer dan laptop serta peralatan rumah.

Kajian mengenai keseragaman elemen had al-kifayah sebagaimana dalam kajian Fidlizan et.al (2017) juga telah diteruskan oleh Azri Bhari et.al (2018). Kajian ini melihat secara praktikal perbandingan nilai had al-kifayah (garis kemiskinan zakat) antara lapan negeri di Malaysia. Antaranya ialah negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, Melaka, Johor dan Sabah. Elemen yang dikaji meliputi keperluan asas yang komprehensif termasuk perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan, dan pengangkutan sebagaimana yang dicadangkan oleh JAWHAR (2007). Dengan menggunakan kaedah perpustakaan dan wawancara berstruktur sebagai medium untuk mengumpul data dan maklumat, penemuan yang diperolehi dalam kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan nilai had al-kifayah di antara pelbagai negeri di Malaysia. Analisis perbandingan had al-kifayah bagi lapan negeri yang dikaji juga menunjukkan bahawa tidak ada keseragaman dalam penentuan nilai had al-kifayah. Kajian ini menunjukkan bahawa ia adalah penting untuk menyeragamkan semua komponen had al-kifayah dalam setiap negeri supaya menjadi lebih realistik dan relevan dengan keadaan ekonomi semasa di Malaysia. Ini bagi memastikan sosioekonomi asnaf terjamin serta kebajikan mereka terjaga.

Berikut adalah jadual ringkasan kajian-kajian terdahulu mengenai had al-kifayah mengikut kepelbagaian dimensi kajian;

Jadual 1: Kajian-kajian Had al-Kifayah mengikut Dimensi dan Elemen yang Digunapakai

| Pengkaji (Tahun) | Dimensi kajian | Elemen Penentu <i>Had Al-Kifayah</i> |
|--|---|---|
| Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, JAWHAR (2007) | Manual Pengurusan Zakat | 1. Perlindungan 2. Makanan dan minuman 3. Pakaian 4. Perubatan 5. Pendidikan 6. Pengangkutan |
| Mansor Sulaiman, Hasan Ahmad, Ahmad Irfan Ikmal Hisham, Noradilah Md Nordin & Saharudin Ramli (2013) | Konsep <i>had al-kifayah</i> berpandukan al-Quran dan al-Sunnah | 1. Makan dan minum 2. Tempat tinggal (beserta keperluan asas dalam rumah) 3. Pakaian yang baik 4. Pekerjaan serta pemilikan alatan-alatan serta keperluan pekerjaan 5. Pengangkutan 6. Wang sara hidup harian 7. Pendidikan |
| Ahmad Fahme Mohd Ali, Mohd Faisol Ibrahim, Muhammad Ridhwan Ab Aziz & Fuadah Johari (2014) | Perbandingan <i>had al-kifayah</i> ; 1. Jantina ketua isi rumah 2. Bandar dan luar bandar | Sorotan kajian-kajian lepas |
| Nurul Afifah Hasan, Aisyah Abdul Rahman & Hairunnizam Wahid (2015). | <i>Had al-kifayah</i> IPT bagi mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia | 1. Makanan 2. Keperluan harian bukan makanan 3. Kesihatan 4. Pakaian 5. Perbelanjaan IPT 6. Pengangkutan 7. Perlindungan |
| Ahmad Fahme Mohd Ali & Mohd Faisol Ibrahim (2015) | 1. <i>Islamic Poverty Line Index</i> 2. <i>Had al-kifayah</i> asnaf di Kelantan | 1. Makanan 2. Pakaian 3. Tempat tinggal 4. Penjagaan diri 5. Pengangkutan 6. Perkakasan rumah 7. Alatan pekerjaan |

| | | |
|---|--|--|
| Bayu Taufiq Possumah (2016) | Sistem keselamatan sosial | <ol style="list-style-type: none"> 1. Pendapatan dan aset ekonomi 2. Kemahiran pendidikan 3. Rumah dan persekitaran 4. Akses kesihatan dan lain-lain perkhidmatan sosial yang diperlukan 5. Hubungan dengan orang lain 6. Kepintaran peribadi |
| Fidlizan Muhammad, Salwa Amirah Awang, Mohd Yahya Mohd Hussin dan Abdul Majid Tahir Mohamed (2017) | <i>Had al-kifayah</i> Perbelanjaan Keperluan Asasi (PKA) mengikut negeri di Malaysia | Elemen yang berbeza mengikut negeri yang dikaji |
| Siti Norhidayah Hamzah & Hairunnizam Wahid (2017) | Pendekatan baru penentuan <i>had al-kifayah</i> mengikut faktor pengeluaran: <ol style="list-style-type: none"> 1. Buruh 2. Tanah 3. Modal. | Elemen berdasarkan 3 dimensi faktor pengeluaran |
| Imron Mawardi, Tika Widiastuti, Sri Herianingrum (2018) | Jaminan sistem keselamatan sosioekonomi melalui kaedah pengukuran: <ol style="list-style-type: none"> 1. Nisab 2. Keperluan Hidup Lestari (KHL) | 40 daripada 60 item KHL memenuhi konsep <i>had al-kifayah</i> |
| Zulfaqar Mamat, Azman Abdul Rahman & Hamzah Abdul Kareem Hamad (2018) | Konsep <i>had al-kifayah</i> menurut pandangan fuqaha | Elemen asas <ol style="list-style-type: none"> 1. Pakaian 2. Makanan dan minuman 3. Tempat tinggal 4. Kelengkapan rumah dan orang gaji 5. Kuda 6. Kitab-kitab 7. Alat pertukangan dan kemahiran 8. Nikah Elemen kontemporari <ol style="list-style-type: none"> 1. Perawatan dan perubatan 2. Pendidikan di sekolah dan universiti 3. Kereta 4. Alat komunikasi 5. Peralatan komputer dan laptop 6. Peralatan rumah. |
| Azri Bhari, Baharuddin Sayin, Mohd Afandi Mat Rani, Rafeah Saidon, Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah & Mohd Solahuddin Bin Shahrudin (2018) | Perbandingan <i>had al-kifayah</i> (garis kemiskinan zakat) antara lapan negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, Melaka, Johor dan Sabah | <ol style="list-style-type: none"> 1. Perlindungan 2. Makanan dan minuman 3. Pakaian 4. Perubatan 5. Pendidikan 6. Pengangkutan |

KESIMPULAN

Kesimpulannya, had al-kifayah merupakan konsep penting yang perlu dipraktikkan bagi memastikan kelangsungan hidup golongan asnaf terutamanya fakir dan miskin. Kajian literatur ini secara tidak langsung dapat memberikan gambaran terperinci tentang bagaimana konsep sebenar had al-kifayah perlu dilaksanakan berbanding konsep sedia ada. Walaupun terdapat perbezaan pengamalan elemen had al-kifayah sama ada mengikut negeri, institusi atau gender sebagaimana yang ditemui dalam kajian-kajian yang terdahulu, sekurang-kurangnya ia dapat memberi idea baru bagi memastikan matlamat sifar kemiskinan dapat dicapai pada masa hadapan. Jaminan sosioekonomi ini asnaf penting untuk dilaksanakan bagi mencapai sebuah negara yang baik dan dirahmati Allah SWT.

RUJUKAN

- Abd al-Qadir, Ahmad Uthman (1989). *Had al-Kifayah fi al-Iqtisad al-Islamiyy: Dirasat Muqaranah*. Master Thesis Jami'at Umm al-Qura, Makkah.
- Ahmad Fahme Mohd Ali & Mohd Faisol Ibrahim (2015), "Determinations of a Muslim Household Poor in Kelantan, based on Islamic Poverty Line Index (Had Kifayah). E-Prosiding Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015: Isu Kontemporari Agihan Zakat di Malaysia.
- Ahmad Fahme Mohd Ali & Muhammad Ridhwan Ab. Aziz (2014). Zakat Poverty Line Index And Gender Poverty in Malaysia: Some Issues and Practices. *International Journal of Business and Social Science*, 5(10), 286-293.
- Ahmad Fahme Mohd Ali, Mohd Faisol Ibrahim, Muhammad Ridhwan Ab Aziz & Fuadah Johari (2014). Konsep dan Isu Had Kifayah, Kemiskinan Bandar dan Jantina dalam Pengagihan Zakat. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 8(2), 14-26.
- Ahmad Kamri Abd Mubi & Muhammad Nazir Alias (2016). Konsep Keperluan Menurut Islam. Dalam Anwar Fakhri Omar (ed.) *Prosiding Kolokium Siswazah Jabatan Syariah 2013*, 1-16.
- Al-Ansari, Zakariyya bin Muhammad (2001). *Asna al-Mathalib syarh Rawd al-Tholib*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Dusuqi, Muhammad bin Ahmad (t.t). *Hasyiyyah al-Dusuqi 'ala Sharh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Firuz Abadi, Muhammad bin Ya'qub (2015). *Al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Risalah Publishing.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (t.t). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Hourani, Yasir Abdul Karim Muhammad (2017). *Mi'yar Had al_kifayah wa Atharuhu fi Istihqaqi al-Zakat Dirasah Ta'shiliyah*. Dubai: Da'irah al-Syu'un al-Islamiyyah wa al-'Amal Khir.
- Al-Kasani, 'Ala' al-Din Abu Bakar bin Mas'ud (1986). *Bada'i Sana'i fi Tartib al-Shara'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Khatib al-Sharbini, Muhammad bin Ahmad (1994). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifati Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyah.
- Al-Muzani, Abu Ibrahim Ismail bin Yahya (1990). *Mukhtasar al-Muzani*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf (t.t). *Majmu' Sharh al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf. *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Ramli, Syamsuddin Muhammad bin Abu al-Abbas Ahmad (2003). *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Syatibi, Abu Ishaq (t.t). *Al-Muwafaqat*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Azri Bhari, Baharuddin Sayin, Mohd Afandi Mat Rani, Rafeah Saidon, Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah & Mohd Solahuddin Bin Shahrudin (2018). Had Kifayah (Zakat Poverty Line) In Malaysia: A Comparative Analysis. *Sci.Int.(Lahore)*, 30(1),105-109.
- Bayu Taufiq Possumah (2016). Had Kifayah Zakah and Adequacy of Income Redistribution: A Proposal Framework. *International Journal of Zakat* 1(1), 36-49.
- Faisal bin Sa'id bi al-'Amsh (1433H). *Al-'Anasir al-Kifayah al-Mu'tabarah fi al-Faqr wa Qadr ma Yu'ti al-Faqr min al-Zakah*. Saudi: Majallah al-'Ulum al-Syar'iyyah.
- Fidlizan Muhammad, Salwa Amirah Awang, Mohd Yahya Mohd Hussin dan Abdul Majid Tahir Mohamed (2017). Sorotan Perbezaan Had Kifayah Perbelanjaan Keperluan Asasi dan Kesannya dalam Pengiraan Zakat Pendapatan. *Akademika* 87(2), 89-103.
- Hamza Abed al-Karim Hammad (2017). The Limit of Sufficiency of the Zakat and its Compenents and the Extent of Their Difference According to Time and Place. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 7(2), 22-45.

- Ibn, Abd al-Bar (1996). *Al-Tamhid Lima fi Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid*, vol. 5. Muassasah al-Qurtubah, Beirut.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin (t.t). *Hashiyah Rad al-Muhtar*. Dar al-Ihya Turath al-'Arabi.
- Ibn Manzur (1883). *Muhammad Ibn Mukarram, Lisan al-Arab*. Mesir: Al-Matba'ah al-Kubra al-'Amiriah.
- Imron Mawardi, Tika Widiastuti, Sri Herianingrum (2018). *Hadd al-Kifayah (Subsistence Criteria) as a Measurement of Islamic Socioeconomic Security*. *Advance in Social Science, Education and Humanities Research (ASSEHR)*, 98, 127-131.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (2007). *Manual Pengurusan Agihan Zakat*. Kuala Lumpur: JAWHAR.
- Majma' Lughah al-Arabiyah (1990). *Mu'jam al-Wajiz*. Mesir: Jumhuriyyah Misr al-Arabiyyah.
- Mansor Sulaiman, Hasan Ahmad, Ahmad Irfan Ikmal Hisham, Noradilah Md Nordin & Saharudin Ramli (2013). "Had al-Kifayah di Kalangan Masyarakat Islam: Merungkai Keperluan Kaedah Penentuan Garis Miskin dan Kaya Berasaskan Sunnah di Malaysia". *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyyah (Musnad 2): Realiti dan Cabaran*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 3-4 Julai 2013.
- Nurul Afifah Hasan, Aisyah Abdul Rahman & Hairunnizam Wahid (2015). *Penentuan Hadul Kifayah Institusi Pengajian Tinggi: Kajian Pelajar Siswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia*. Dalam Noraini Ali et. al (Eds). *Isu Kontemporari Pengurusan dan Pembayaran Zakat di Malaysia* (p. 79-92). Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Siti Norhidayah Hamzah & Hairunnizam Wahid (2017). *Penentuan Had Kifayah Zakat: Satu Cadangan Dimensi Penentuan yang Baru*, dalam Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor, Adibah Abdul Wahab & Muhammad Tajuddin Abdul Rahim (eds). *Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat*. Bangi: Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Kewangan Islam (EKONIS-UKM).
- Zulfaqar Mamat, Azman Abdul Rahman & Hamzah Abdul Karem Hamad (2018). *Penentuan Had Kifayah dan Elemen Keperluannya Dalam Pembahagian Zakat Semasa*. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7, 105-127.